

**Melakar Jejak Rencam Anakronisme Batik Kontemporari Negara:  
Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin**

Fadhrullah Hakim Yusop  
Nik Anis Syamimi Nik Azlee  
Mohd Nazir Ahmad  
Mazwani Ayu Mazlan

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**Abstrak**

*Makalah ini akan mengetengahkan penukilan memoir biografi daripada penulis berkenaan penggiat seni penghasilan batik kontemporari negara iaitu Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin, anak jati Kelantan yang telah memberi serba banyak bentuk sumbangan dalam mengharumkan nama negara di persada global. Artikel ini akan memberi gambaran menyeluruh kepada dinamika gaya dan pendekatan ketokohan yang dimiliki melibatkan maklumat latar belakang diri tokoh, penubuhan kedua-dua syarikat perniagaan beliau iaitu Ruzz Gahara dan Rumah Gahara, pengalaman beliau dalam menerajui Pertubuhan Kraf Malaysia, sumbangan dan pencapaian beliau di peringkat nasional dan antarabangsa, serta titipan pandangan, cadangan dan kata-kata nasihat bagi generasi muda yang berkeinginan tinggi dalam menceburi bidang seni penghasilan batik kontemporari. Artikel ini berpaksikan kepada sumber pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh serta berpandukan kepada sumber utama iaitu dokumentasi lisan. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan ilmiah kepada peminat seni kraftangan tanah air yang ingin mengenali dengan lebih dekat penggiat-penggiat seni serta mengkaji keistimewaan yang dimiliki oleh setiap mereka. Selain itu, kajian ini penting demi kelangsungan generasi akan datang serta dapat mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang seni penghasilan batik kontemporari agar mereka dapat menjadikan beliau sebagai teladan dan juga sumber rujukan.*

**Kata Kunci:** batik, kontemporari, Nik Faiz Nik Amin, Rumah Gahara, Ruzz Gahara

**Abstract**

*Stepping into the spotlight is the memoirs of a Kelantanese born craftsman who himself was involved in the arts and crafts production industry in Malaysia – Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin. This article ought to provide readers with the biographical information about the artist himself and his dynamic leadership style in managing both companies he founded, namely Ruzz Gahara and Rumah Gahara. Additionally, this article will also highlight on his experiences in leading the Malaysian Craft Council (MCC), his outstanding achievement at the national and international level, and his clear point of views along with some advice for the young generation for whom are interested in venturing the art of contemporary batik-making. The articles' contents are based on one primary source: the written oral documentation of the artist himself. Besides that, this research paper will be an ideal reference source by any craft enthusiasts who wish to deepen their knowledge, discover their true potential in craftsmanship, and assist newcomers. The authors sincerely hope that Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin's positive attitude and self-confidence can be used as an example by all future generations.*

**Keywords:** batik, contemporary, Nik Faiz Nik Amin, Rumah Gahara, Ruzz Gahara

**PENGENALAN**

Batik adalah tonggak kerajinan dan budaya masyarakat Malaysia, terhasil dengan indah buatan tangan penduduk Terengganu dan Kelantan selama hampir satu abad. Sedasawarsa ini, seni kraftangan batik kontemporari mula dihasilkan oleh pereka-pereka moden mengikut citarasa dan permintaan dunia hari ini. Zamrudin *et al.* (2019) berpendapat bahawa kegiatan seni penghasilan batik kontemporari berbeza daripada seni penghasilan batik tradisional ekoran kebebasan yang dimiliki dari segi rekaannya yang tidak terkongkong. Masyarakat di Malaysia secara amnya mengetahui tentang seni penghasilan batik akan tetapi tidak ramai yang mengambil hirau terhadap penambahbaikan yang telah berlaku ke atas seni kraftangan ini dengan lebih dekat lagi. Mereka juga tidak menyedari bahawa seni kraftangan bukan hanya terdiri daripada kesenian tradisional malah telah berubah kepada seni kraftangan kontemporari mengikut citarasa dan peredaran zaman.

Di Malaysia, terdapat beberapa penggiat kraftangan batik kontemporari yang sememangnya terkenal dengan kemahiran penghasilan batik mereka yang tiada tolok bandingnya. Antaranya, Amir Harith Mat Kashim, Faizul Noorizan, Hafiz Drahman, Hatta Dolmat, Ridzuan Alias, Maryam Mutalib, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin, serta ramai lagi. Hasil kolaborasi di antara persatuan Piala Seri Endon dengan Minggu Fesyen Kuala Lumpur (KLFW) sejak tahun 2016 telah berjaya mengangkat martabat batik kontemporari itu sendiri melalui satu segmen khas bagi koleksi batik iaitu KLFW Ready To Wear (Noor Arfa, 2019). Maka, atas usaha murni tersebut, lahirnya ramai generasi muda yang berbakat serta ingin memartabatkan warisan batik negara kita dengan menonjolkan kelainan dalam menggayakan batik. Memetik beberapa ayat daripada kajian Yusniza, Harleny, dan Norakmal (2020) dalam bidang seni ukiran kayu kontemporari, masih ramai di kalangan rakyat Malaysia yang kurang mengenali penggiat-penggiat seni ukiran. Begitulah juga dengan keberadaan penggiat-penggiat seni penghasilan batik kontemporari yang banyak menghasilkan karya seni kraftangan moden yang mempunyai jiwa dan nilai yang tinggi. Seharusnya, insan-insan seni seperti ini perlu kita hargai dan patut diberi penghargaan semasa mereka masih hidup lagi dan bukannya setelah mereka tiada.

Kajian ini akan dijalankan bagi mengkaji dan mengenali dengan lebih dekat siapakah Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin di mana penyelidik akan mengkaji sejarah penglibatan beliau dalam bidang seni penghasilan batik kontemporari berasaskan latar belakang peribadi beliau dan sebagainya. Penyelidikan ini juga dilakukan untuk mengenal pasti hasil-hasil rekaan beliau yang telah berjaya mengharumkan nama Malaysia, untuk mengetahui bagaimanakah cara beliau mengendalikan perusahaan serta motif-motif ukiran yang menjadi kegemarannya. Penelitian akan dibuat terhadap keistimewaan yang terdapat dalam diri beliau serta seni penghasilan batik kontemporari yang telah direka.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sudah terang lagi bersuluh, era pascaperindustrian dan pasca globalisasi yang beraneka macam ragamnya telah mencabar daya upaya dan minda sejagat yang menyaksikan masih ramai di antara kita yang bacul dan menganaktirikan nilai-nilai murni yang berkebolehan menyentap naluri dalam

memastikan kelancaran kegiatan pemeliharaan dan pemuliharaan kesenian halus kraftangan yang telah diwarisi daripada leluhur kita ini berterusan diancam detik-detik cemas kehilangan dan ditelan oleh peredaran zaman yang dilingkari pertumbuhan maklumat sains serta peralatan canggih bersifat teknologi yang tinggi. Malar-malar juga tidak ramai masyarakat konservatif yang berpandangan bahawa langkah pragmatik serta proaktif perlu diambil setangkas yang mungkin bagi menghambat permasalahan ini dari berlanjutan. Justifikasinya, warisan ketamadunan seni kraftangan ini semestinya adalah simbol kemegahan identiti bangsa dan mensyarahkan betapa hebatnya ketamadunan bangsa pencetus bagi kesenian tersebut.

Kajian ini bertitik pangkal daripada penelaahan penyelidik terhadap usaha mengkaji dan menyelidik pengkaji sebelumnya yang lebih cenderung untuk menyelami elemen dalaman dari segi reka bentuk batik, peralatan serta proses pembuatannya berbanding dengan kajian-kajian biografi berkaitan penggiat-penggiat seni itu sendiri. Peranan mereka sebagai penggiat seni kraftangan tidak menggondol perhatian yang sewajarnya sedangkan merekalah agen pelopor kepada penghasilan batik tersebut. Namun, terdapat sebahagian pengkaji yang telah menyentuh kajian dan beberapa artikel di dalam segmen majalah, surat khabar, dan secara dalam talian telah diterbitkan mengenai penggiat-penggiat seni penghasilan batik tradisional. Antaranya ialah Dr. Baharuddin Mohd. Arus dengan catatannya yang bertajuk *Seidi Atiman, Pelukis Batik Menitip Karya Budaya Sabah* (2018), *Sumbangan Che Su Dan Keluarga Kepada Pembangunan Perusahaan Batik Di Kelantan* (2015) oleh Nik Yunista Nik Ahmed, *Anggun Siri Catan Batik Fatimah Chik* (2019) oleh Harozila Ramli dan Intan Khasumarlina Mohd. Khalid, Md. Ghani bin Mat: *Adiguru Kraftangan Blok Batik Malaysia* oleh Norlelawaty Haron (t.t.), dan *Tokoh Kraf Negara: Haji Tengku Ibrahim Bin Tengku Wook: Satu Kajian Biografi* (2000) oleh Tengku Saripah Haji Tengku Ibrahim.

Berdasarkan analisis secara mendalam oleh penyelidik, kajian pengkaji terdahulu ini berjaya meriwayatkan perjalanan penggiat-penggiat seni batik tradisional sedari awal penglibatan mereka sehinggalah ke sumbangan serta pencapaian mereka dalam memartabatkan industri penghasilan batik di Malaysia. Dalam usaha mulia mereka menaik taraf seni kraftangan tradisi ini seharusnya diberikan perhatian yang lebih mendalam dek perkembangan teknologi dan arus pemodenan yang telah kita kecapai saat ini. Semestinya,

penyelidik juga bersetuju dengan pendapat Tengku Saripah (2000) di mana adalah menjadi satu tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia dalam berterusan memelihara warisan khazanah bangsa dan negara yang satu-satunya ini untuk renungan bakal pelopor industri penghasilan seni batik. Segala bakat serta ilmu yang dimiliki oleh tokoh-tokoh penghasilan batik terdahulu tidak terkubur begitu sahaja, malah dapat diluahkan, dipelajari, disebarkan, diteliti, diolah, dan dihayati bersama.

Melalui hasil pencarian penyelidik, kajian mengenai perjalanan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam bidang seni penghasilan batik kontemporari masih belum banyak yang dijalankan. Hanya terdapat satu kajian kes sahaja yang pernah ditulis oleh Dr. Hanisa Hassan pada tahun 2018. Kajian kes yang telah dijalankan berkisarkan kepada pemerhatian pengkaji terhadap kesan global Revolusi Perindustrian Keempat (atau juga dikenali sebagai Industri 4.0) kepada pelbagai jenis industri yang ada di Rantau Asia serta berkongsi kajian kes melalui situasi perusahaan kecil milik Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin di mana kecanggihan teknologi yang terhasil daripada revolusi ini telah berjaya diaplikasikan ke dalam perniagaan beliau serta membantu meningkatkan kadar penghasilan batik berikutan jumlah permintaan yang tinggi daripada pelanggan. Pengkaji juga telah sedikit sebanyak menyentuh latar belakang penglibatan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam industri seni penghasilan batik.

Misi penyelidik bagi kajian biografi terhadap tokoh yang dipilih, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin yang bakal dijalankan adalah berbeza dari segi objektif dengan kajian pengkaji terdahulu di mana penyelidik akan melakukan proses analisa dengan lebih mendalam dan teliti berkaitan sumbangan serta pencapaian yang beliau perolehi.

Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dikenali sebagai seorang tokoh kraftangan moden yang banyak berjasa dalam bidang penghasilan batik kontemporari di Malaysia. Beliau banyak memberikan sumbangan yang besar dalam industri tersebut di negeri Kelantan dengan menghasilkan peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan di sekitar Kota Bharu serta menerajui usaha murni dalam menghasilkan kelainan dari segi penghasilan batik yang bertemakan gaya hidup masyarakat terkini berlandaskan lima tiang khusus yang dibina di Rumah Gahara. Berbekalkan kemahiran yang tinggi dalam

melukis dan mereka bentuk batik kontemporari, nama beliau sudah tidak asing lagi dalam kalangan penggiat-penggiat seni kraftangan. Segaris senyuman mesra menguntum di bibirnya dek sinar syukur dan gembira mengerlip di matanya apabila diberi kepercayaan menyandang posisi jawatan Presiden bagi Pertubuhan Kraftangan Malaysia (Malaysian Craft Council) sekaligus berjaya menaikkan lagi nama Malaysia di persada antarabangsa dalam acara-acara pertunjukan fesyen terkemuka. Meskipun sudah lama menempa nama dalam industri kraftangan di Malaysia, biografi terperinci berkaitan perjalanan beliau dalam industri ini masih belum pernah dikemukakan mahupun diuar-uarkan oleh mana-mana pengkaji terdahulu.

Selain itu, penghasilan karya-karya berunsurkan biografi yang bersangkutan paut dengan seni penghasilan batik kontemporari tidak begitu banyak di pasaran. Ini juga berdasarkan kepada pencarian penyelidik di laman katalog atas talian (juga dikenali sebagai Online Public Access Catalog atau singkatannya OPAC) milik Perpustakaan Negara Malaysia di mana hanya terdapat satu sahaja bahan pembacaan yang berkaitan dengan tajuk tersebut.

Tiada ubat yang tiada penawarnya, usaha pasti akan membuahkan hasil jika pelbagai langkah yang konkrit, efektif, sistematik, drastik dan pragmatik dijalankan secara berterusan bagi membenih kesedaran sivik di kalangan masyarakat akan kepentingan menghargai jasa serta sumbangan penggiat-penggiat seni kraftangan tempatan yang berusaha untuk melangkah dengan seribu kekuatan dalam melakukan anjakan paradigma terhadap industri yang dipelopori serta membasmi segala persepsi negatif perihal yang berlandaskan kepada ketidaktepatan fakta.

Dengan keizinan Tuhan yang Maha Esa, penyelidik akan mengisi lompong kajian dengan mengemukakan secara terperinci mengenai latar belakang peribadi Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin. Kajian ini juga akan mengetengahkan pengalaman, sumbangan dan jasa, serta pencapaian beliau dalam memperkembangkan bidang penghasilan seni batik kontemporari di seluruh penjuru dunia terutamanya dalam angkatan-angkatan generasi alaf baharu yang perlu ditingkatkan lagi daya peka dan keprihatinan mereka terhadap kepentingan memelihara khazanah pusaka negara yang tinggi nilainya.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Berikut adalah objektif spesifik yang akan membantu penyelidik untuk mengenali tokoh secara lebih dekat serta mencungkil tahap penglibatan beliau dalam industri batik berdaftar di negeri Kelantan dan juga di Kuala Lumpur.

1. Menggalur kehidupan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin sebagai penggiat seni penghasilan batik kontemporari di Malaysia.
2. Meneroka amalan serta prestasi semasa pengurusan perniagaan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam pelbagai aspek.
3. Mengenal pasti keistimewaan seni penghasilan batik kontemporari yang dihasilkan oleh Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin serta mengkaji sumbangan dan pencapaian yang telah diterima sepanjang bergiat aktif dalam industri kraftangan tempatan dan antarabangsa.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Penyelidik akan mengkaji nilai estetika, budaya, dan sosioekonomi industri keusahawanan batik sebagai pemacu utama dalam melestarikan industri kraftangan di Malaysia melalui pengalaman peribadi Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin. Terdapat beberapa persoalan utama yang telah dirangka:

1. Bagaimanakah Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin boleh melibatkan diri dalam industri penghasilan seni batik kontemporari di Malaysia?
2. Apakah amalan serta prestasi semasa perniagaan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin?
3. Apakah keistimewaan yang dapat dilihat melalui seni penghasilan batik kontemporari serta sumbangan dan pencapaian Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam industri kraftangan tempatan dan antarabangsa?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Pemeliharaan sesuatu warisan dan falsafah kesenian industri kraftangan tempatan di Malaysia ini sayugia dijadikan satu tanggung komitmen yang menyeluruh dan tidak bersilengah daripada semua pihak berusul di peringkat atasan (Kerajaan Malaysia) sampailah ke mujtamak (masyarakat).

Dengan itu, melalui kajian ini diharapkan ia dapat menyokong kepada sebahagian perkara iaitu:

Yang pertama sekali, untuk menghimpun dan mengarang biografi berkenaan penggiat-penggiat seni yang berkecimpung dalam bidang seni penghasilan batik kontemporari. Kajian mengenai latar belakang tokoh batik kontemporari negara adalah kajian pertama dan seumpamanya dijalankan. Pencatatan ini perlu dihasilkan bagi meyakinkan kesinambungan warisan tidak semata-mata bersifat fizikal sahaja di mana tumpuan hanya diberikan kepada seni penghasilan batik itu sendiri akan tetapi kita sebagai generasi pelapis perlu menghargai sumbangan mulia dan jasa budi pekerti penggiat-penggiat itu sendiri.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sumber rujukan sejarah lisan oleh penyelidik-penyelidik akan datang dalam mendapatkan maklumat mengenai keperibadian Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam memartabatkan industri seni kraf tangan tempatan. Sebelum kajian ini dihasilkan, penyelidik juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan sumber rujukan ilmiah daripada kompilasi penerbitan kitab-kitab yang terdapat di pustaka ilmu, majalah tempatan dan antarabangsa, jurnal-jurnal penyelidikan, dan juga sumber internet yang kurang memuaskan. Hal ini disebabkan tiadanya kajian terperinci yang pernah dijalankan oleh pengkaji terdahulu mengenai keperibadian Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin. Kajian tentang aspek ini adalah penting agar sejarah perjalanan beliau di dalam industri seni kraftangan tempatan yang mengandungi mutiara bermanfaat dan bernilai tidak sirna begitu sahaja.

Di samping itu, kajian yang diusahakan juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan ilmu pengetahuan teristimewanya dalam aspek pemahaman pendokumentasian sejarah lisan. Penyelidik turut berpendirian teguh bahawa kajian ini sangat bermakna dan berupaya dijadikan pedoman serta kemaslahatan yang terkandung boleh diaplikasikan dalam sudut ilmu dan aktiviti sejarah lisan serta pendokumentasian. Sudah pasti penceritaan berkaitan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin akan diperincikan dalam kajian bermula dari latar belakang beliau sehinggalah bagaimana pandangan dan cadangan daripada beliau terhadap industri kraftangan tempatan akan turut diambil kira, dalam konteks betapa penting dan bernilainya seni tradisional



dalam mempertahankan kesempurnaan warisan hasil peninggalan nenek moyang kita yang terdahulu terhadap pembentukan identiti negara.

Akhir kata, kajian ini juga dapat memperbaiki tanggapan masyarakat terhadap ikhtiar mulia penggiat-penggiat seni tempatan dalam mempertahankan warisan seni kraftangan tradisional negara kita. Maka, silibus pendidikan perlu dirombak semula dengan mewujudkan latihan atau topik berkaitan sejarah warisan tradisional yang terdapat di Malaysia dalam mata pelajaran Sejarah atau Kajian Tempatan serta kepentingan melindungi dan memelihara warisan ini. Dalam pada itu, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual turut mempraktikkan tentang seni cetakan batik yang menggunakan beberapa bahan asas sebagai contoh menggunakan batang pisang, daun kering untuk ditekapkan di atas kertas ataupun kain. Kendatipun begitu, topik pengenalan kepada warisan tradisional sahaja adalah tidak mencukupi, sebaiknya perlu diiringi dengan usaha yang kasatmata jika ingin membentuk masyarakat madani yang berketerampilan, bersahsiah mulia, serta tinggi ilmunya.

Dengan adanya kajian biografi seumpama ini, diharapkan masyarakat menyedari kewujudan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam membela nasib industri yang kelihatan seperti susunan frasa hidup yang segan sebagai keengganan yang paling pahit untuk bangkit dari kegagalan. Sewajarnya, penulis berharap agar generasi akan datang dapat menelusuri suka duka perjalanan anak seni tempatan dalam mendukung kebenaran yang disepakati berkaitan pasang surutnya perhatian yang ditumpukan oleh pihak-pihak tertentu. Permasalahan putusnya komunikasi dua hala serta jurang generasi dan kedudukan di antara pihak kerajaan dan rakyat jelata dalam menangani kemelut industri seni kraftangan tempatan yang sudah ke sekian kalinya perlu dititikberatkan kerana manusia itu sendiri bukanlah 'haiwan robotik' yang tidak memiliki perasaan dan jiwa.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Asal usul perkataan batik datangnya daripada suku kata Jawa yang membawa kata kerja batik atau ambatik yang bermaksud melukis, mewarna, menulis atau menitis dan kata-kata ini tepat menggambarkan teknik penghasilan batik itu sendiri, di mana pekerja melakar rekaan mereka menggunakan lilin yang menitis (Raja Fuziah Raja Tun Uda dan Mohamad

Najib, 2017). Bagi Noor Haslina dan Normaz Wana (2015) pula, mereka juga berpendapat bahawa perkataan batik dipercayai berasal daripada gabungan dua suku kata percakapan Jawa iaitu amba yang bertafsirkan mencatat dan tik yang bermakna titik. Oleh itu, kosa kata batik boleh ditafsirkan sebagai mencatat titik-titik yang membentuk motif di atas permukaan kain. Selain itu, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Lembaga Kraftangan Malaysia) juga bersetuju dengan definisi batik sebagai proses penerapan lilin serta pencelupan warna (seperti dipetik dalam Mohd. Zaki, 2004, hal. 20).

Jelaslah bahawa batik mempunyai keistimewaan yang sukar untuk diungkapkan kerana ianya menggambarkan situasi di Alam Melayu pada suatu ketika dahulu. Mohd. Zaki (2004) juga turut menyokong pernyataan daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang perkataan batik itu sendiri berkekalan dan tidak ada lagi yang dapat menerjemahkan ke dalam bahasa lain di dunia. Asal kelahiran batik itu sendiri sukar untuk dikesan lantas tiada data yang tepat yang dapat digunakan oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, masyarakat di Malaysia telah menemui tata cara pembentukan batik tradisional semenjak abad ke-15 lagi (Sharifah Salwa *et al.*, 2013). Namun, kajian lepas daripada Ma'rof dan Fariborz (2010) ada menyebut berkaitan pembuatan batik pelangi tradisional yang sudah tersedia semasa pemerintahan penguasa ketiga Terengganu, Sultan Zainal Abidin II (1773-1808), di mana Minah Pelangi adalah pengeluar batik yang paling terkenal pada masa itu dan seterusnya memperkenalkan Batik Pelangi.

Pengusaha Batik Malaysia kebanyakannya datang daripada negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu (Norlelawaty *et al.*, 2014) malahan juga di negeri Pahang. Mohamed Muaz (2012) menyatakan yang industri penghasilan batik di Malaysia telah pun wujud pada tahun 1921 hasil daripada migrasi masyarakat Jawa yang sedikit sebanyak telah mengasimilasikan budaya mereka di sekitar kawasan Pantai Timur (Pegah *et al.*, 2013). Pegah *et al.* (2013) juga berpendapat bahawa masyarakat Jawa inilah yang telah memulakan pusat pengeluaran kecil dari rumah di sekitar awal abad ke-20.

Maka tidak hairanlah negeri Kelantan mendapat gelaran '*the home of batik*' (negeri kelahiran batik) (Nik Yunista, 2015). Penggiat-penggiat seni

penghasilan batik di Malaysia ini dikenali sebagai penggiat seni penghasilan batik yang tegar, cekal, malah tidak takut untuk berinovasi dalam membawa rentak pembaharuan terhadap industri tersebut. Kini, produk batik bukan sahaja berfungsi sebagai pakaian tradisional yang berupa pakaian seharian seperti kain sarung atau selendang (Norlelawaty *et al.*, 2014), bahkan kerajaan juga telah menggalakkan kakitangan awam untuk mengenakan busana batik tiap-tiap hari Khamis sebagai tanda sokongan kepada industri seni penghasilan batik ini (Nik Yusnita, 2015).

Norlelawaty *et al.* (2014) juga ada menyatakan bahawa teknik penghasilan batik yang sememangnya terkenal di kalangan penggiat-penggiat seni itu sendiri ialah batik blok atau terap, batik skrin atau cetak, dan batik lukis atau canting. Pada tahun 1950-an, penggiat-penggiat seni penghasilan batik tradisional masih menggunakan reka bentuk batik Jawa serta diberi nama Batik Solo Kelantan, Batik Pekalongan Kelantan, dan Batik Lasem Kelantan (Mohd. Azhar, Rafeah, dan Rabiatuadawiyah, 2018). Dua motif utama reka bentuk batik di Malaysia ialah motif organik serta motif geometri (Rohaida dan Siti Safina, 2012). Rohaida dan Siti Safina (2012) juga ada menyebut yang kebanyakan batik keluaran Malaysia telah dipengaruhi oleh kepercayaan agama Islam yang tidak menggalakkan penggunaan haiwan atau manusia dalam sebarang reka bentuk karya. Menurut Noor Haslina dan Normaz Wana (2015), terdapat beberapa tokoh penggerak atau adiguru yang telah menganugerahi sumbangan serta sokongan yang dominan dalam perluasan industri batik terutamanya di negeri Kelantan dan Terengganu seperti Haji Che 2021 Su bin Haji Ishak (1877–1938), En. Yusuf bin Haji Che Su, (1927), Haji Awang (1912), Haji Ali bin Ismail (1932), dan Haji Abdul Rahman (1950).

Selama bertahun-tahun keberadaannya, industri Perniagaan Kecil mahupun Sederhana (PKS) telah berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia sekaligus membentuk lowongan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan perniagaan di kawasan luar bandar (Mohamed Muaz, 2012). Dengan adanya penghasilan produk kraftangan tempatan seperti batik yang bukan sahaja dituntut daripada pencinta batik (Nur Fadhliah, Nor Azah, dan Siti Sabariah, 2016), ianya juga mampu menarik minat pelancong asing untuk datang bercuti ke Malaysia di samping menyokong prestasi industri pelancongan di negara kita ini di mana rata-ratanya membeli untuk dijadikan sebagai cenderamata dan hadiah. Ini kerana pelancong

antarabangsa melihat keunikan batik itu sendiri sebagai tekstil yang penuh dengan warna dan sangat berbeza dengan tekstil mereka yang akhirnya menimbulkan minat serta mempengaruhi keputusan mereka untuk membeli. Aktiviti pelancongan juga dijangka terus meningkat dengan ketibaan lebih ramai pelancong serta perbelanjaan daripada mereka berikutan usaha promosi besar-besaran yang menasarkkan sektor tertentu, seperti pelancongan dan kraftangan (SME Corp. Malaysia, 2017).

Tambahan pula, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengabsahkan batik selaku warisan kebudayaan kemanusiaan tidak ketara, dipercayai mampu melestarikan industri batik serta menyokong perkembangan industri pelancongan yang berasaskan warisan kebudayaan bagi negeri yang berada dalam kategori Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) khususnya (Noor Haslina dan Normaz Wana, 2015). Media massa juga kerap kali memberitakan kelanjutan, perkara pokok, kerumitan seraya cabaran perusahaan kecil dari semasa ke semasa. Maklum balas yang tidak kurang atau tidak lebih tingginya ini adalah berpadanan dengan perilaku masyarakat umum yang sudah mula celik mata mengenai peranan serta kontribusi perusahaan kecil kepada pengembangan ekonomi negara secara keseluruhannya (Muhd. Rashid dan Fazlee, 2010).

Pada tahun 2003, Yayasan Budi Penyayang telah menganjurkan Piala Seri Endon (Trofi Seri Endon), yang dinamakan sempena ketua pertama organisasi tersebut, Allahyarhamah Tun Endon Mahmood, yang juga merupakan isteri mendiang Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima (Poon, 2017). Ia merupakan sebuah pertandingan kebangsaan tahunan untuk mempromosikan reka bentuk batik. Piala Seri Endon dan Piala Seri Terengganu Iman telah berjaya dalam menginspirasi inovasi moden dalam reka bentuk, mendorong penggunaan bahan baharu, dan teknologi pengeluaran. Di sini juga lahirnya ramai penggiat-penggiat seni penghasilan batik kontemporari yang baharu sahaja bertapak dalam industri tersebut dan berjaya memaparkan koleksi-koleksi beraneka ragam serta mempunyai penceritaannya yang tersendiri.

Peredaran reka bentuk batik dari masa ke semasa juga telah beranjak berikutan kelahiran ramai penggiat-penggiat seni penghasilan batik yang baharu serta bantuan dari segi kewangan dan peluang pemasaran juga telah

disediakan oleh pihak kerajaan (Nik Yusnita, 2015). Menurut Nik Yusnita (2015) juga, Pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia turut bergiat aktif dalam mengadakan Hari Kraf Kebangsaan pada setiap tahun dalam meningkatkan lagi promosi batik serta kraf yang lain lantas meningkatkan jualan mereka. Di samping itu juga, ini membuktikan yang kerajaan serta pihak-pihak yang berkaitan telah mengambil inisiatif sepenuhnya terhadap perkembangan industri ini ekoran peranan serta sumbangan perusahaan kecil ini kepada pembangunan ekonomi di negara kita ini. Tambah Muhd. Rashid dan Fazlee (2010) lagi, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menyediakan kerangka pemakaian piawaian batik MS 692:2006 terbitan Jabatan Standard Malaysia dan diakui penggunaannya oleh SIRIM Berhad (dahulunya dikenali sebagai Standards Institution of Malaysia atau SIM).

Selari dengan peredaran masa yang berlaku, kemajuan serta perkembangan teknologi dalam pengeluaran batik semakin hebat (Zamrudin *et al.*, 2019). Oleh itu, wajarlah industri penghasilan batik tradisional juga perlu membuat anjakan paradigma dan mengorak langkah dalam mencari rentak baharu dalam perekaannya.

Sedasawarsa ini, seni kraftangan batik kontemporari mula dihasilkan oleh penggiat-penggiat moden mengikut citarasa dan permintaan dunia pada hari ini (Poon, 2017). Kemunculan seni penghasilan batik kontemporari di Malaysia juga tidak dapat dipastikan tahun kedatangannya berikutan tiada data yang mencukupi daripada kajian lepas. Masyarakat di Malaysia secara amnya mengetahui tentang seni penghasilan batik akan tetapi tidak ramai yang mengenali penambahbaikan yang telah berlaku terhadap seni kraftangan ini dengan lebih dekat lagi. Mereka juga tidak menyedari bahawa seni kraftangan bukan hanya terdiri daripada kesenian tradisional malah telah berubah kepada seni kraftangan kontemporari mengikut citarasa dan peredaran zaman.

Kemunculan seni penghasilan batik kontemporari telah berlaku disebabkan oleh masa, teknik, pendekatan, motif, reka bentuk serta pemilihan warnanya sekali yang lebih bertemakan kepada gaya hidup moden masyarakat terkini (Wan Mahtar, 2019). Motif serta reka bentuk telah dibuat dan dikembangkan agar keunikan tema yang ingin disampaikan terserlah. Melalui pendekatan produksi moden, gabungan grafik, separa grafik dan corak

gemoteri dengan penggunaan warna yang terhad atau tidak terhad dapat dilihat dalam penghasilan kesan visual yang tenang serta damai pada kain. Wan Mahtar (2019) turut menyatakan batik kontemporari bukan sahaja digunakan sebagai pakaian semata-mata, malah reka bentuknya juga ada yang digunakan sebagai hiasan dinding di hotel, pejabat, serta kediaman. Ianya juga boleh dijumpai dalam penghasilan barangan cenderamata. Semua reka bentuknya bergantung kepada pereka-pereka moden yang bebas menyatakan pandangan kreatif mereka dari segi penghasilannya.

Mengikut kajian lepas oleh Poon (2017), penggiat-penggiat seni penghasilan batik kontemporari telah berjaya meneroka pelbagai jenis proses kreatif sejak adanya penubuhan perintis batik di Malaysia. Kini, penggunaan pewarna cair yang panas untuk menghias sehelai kain yang tidak dicelup telah berubah melalui peningkatan teknologi fabrik dan teknik percetakan lantas menyerlahkan lagi gaya persembahannya.

Di Malaysia, fesyen batik kontemporari telah mendapat banyak manfaat dari segi penglibatan pereka fesyen moden yang dikenali ramai di pasaran domestik sehinggalah menghasilkan koleksi bagi acara fesyen terkemuka antarabangsa. Salah seorang penggiat seni penghasilan batik kontemporari tersebut adalah Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin. Beliau merupakan generasi ketiga daripada keluarga pembatik tradisional yang berpusat di Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan. Beliau yang merupakan alma mater Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang pengajian senibina memilih untuk menjadi seorang penggiat atau aktivis kraftangan sekitar tahun 2007 berikutan minat yang terlalu mendalam terhadap industri seni penghasilan batik kontemporari.

Daya upaya memartabatkan industri batik bagai tiada titik penghabisannya dalam mendukung golongan usahawan tempatan melonjakkan lagi penglibatan dan penguasaan mereka dalam bidang perniagaan ini (Muhd. Rashid dan Fazlee, 2010). Seni penghasilan batik merupakan warisan turun-temurun nenek moyang kita dan akan terkubur begitu sahaja jika tiada generasi sekarang yang ingin mempelajarinya. Bersandarkan hal tersebut, maka perlunya kepentingan untuk mengenali penggiat-penggiat seni penghasilan batik tradisional mahupun kontemporari yang telah menyumbang jasa bakti dalam melestarikan industri ini. Justeru itu, kajian yang

dijalankan adalah bertujuan untuk mengenali serta mengkaji pengalaman penggiat seni penghasilan batik kontemporari negara, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin yang telah menghasilkan banyak koleksi seni batik kontemporari serta sumbangan beliau dalam mengharumkan nama negara.

## METODOLOGI

Menurut kajian lepas yang telah dijalankan oleh Siti Roudhah *et al.* (2012), sejarah lisan boleh ditakrifkan sebagai kajian yang berupaya mendokumentasikan bukti atau fakta masa lalu walakin jangka waktu peristiwa sudah berlalu. Wujudnya sejarah lisan adalah kerana tercetusnya penemuan-penemuan terkini serta pengaplikasian teknologi serba moden yang dilihat sinonim dengan peristiwa-peristiwa yang semakin kompleks seperti pentadbiran negara, perihal pengurusan kewangan atau perdagangan, kesusasteraan bahkan pengalaman peribadi seseorang itu yang bercirikan moden. Sebagaimana yang kita sedia maklum, di Malaysia, projek dokumentasi lisan mengenai tokoh yang masih hidup serta banyak sumbangannya kerap dijalankan oleh para pensyarah dan pelajar Pengurusan Rekod dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) malahan menjadi salah satu subjek teras program serta pilihan elektif yang sering hadir dengan tema-tema kajian yang menarik saban semester (Mohd. Nazir, komunikasi peribadi, 2020).

Kaedah kajian kualitatif telah diguna pakai oleh penyelidik di mana penemu bual akan menjalankan sesi wawancara secara terperinci berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh '*resource person*' bagi kursus tersebut. Apa-apa yang telah disebut bakal menjadi bukti-bukti penting kajian penyelidik. Maklum balas yang relevan akan dicatatkan kata demi kata. Temu bual ini akan dibahagikan kepada dua sesi yang berbeza. Penyelidik terlebih dahulu menghubungi tokoh yang terlibat bagi mendapatkan persetujuan daripada beliau dan seterusnya menjadualkan hari, masa, dan tempat bagi kedua-dua sesi tersebut. Sebelumnya, penyelidik telah mengadakan sesi pra-temubual bersama-sama dengan tokoh bagi mendapatkan sedikit maklumat berkenaan diri beliau dan penyelidik juga berkongsi sedikit sebanyak perihal diri mereka serta menyatakan tujuan bagi kajian biografi yang bakal dijalankan secara dalam talian.

Penyelidik berjaya mendapat persetujuan daripada tokoh terbabit pada 27 November 2020 di mana aplikasi persidangan video dalam talian Google Meet telah dipilih sebagai medium komunikasi di antara penyelidik dengan tokoh. Sesi pertama telah berlangsung pada 29 November 2020 pada jam 1.30 petang sehingga 2.40 petang manakala sesi kedua pula telah dijadualkan pada 1 Disember 2020 pada jam 9.00 malam sehingga 10.05 malam. Secara keseluruhannya, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin telah berjaya ditemu bual selama lebih kurang 2 jam 16 minit 34 saat. Segala intipati perbualan juga telah dirakam sebagai bukti kajian dan untuk kegunaan proses transkripsi.

Pada peringkat akhir kajian, penyelidik akan menyalin semula, membuat penambahbaikan, serta membuat salinan kekal bagi hasil rakaman temu bual yang telah dijalankan dalam bentuk transkrip. Penumpuan perhatian diberikan terhadap kemahiran mendengar rakaman video temu bual dengan baik, mencatat, dan meneliti setiap baris-baris perkataan yang kurang jelas kedengaran dalam rakaman tersebut. Ironinya, adalah menjadi tanggungjawab penyelidik kajian dalam membetulkan kesalahan perkataan atau fakta yang terjadi dalam maklumat lisan yang diperolehi tatkala melaksanakan penyalinan sejarah agar penyelidik pada masa akan datang dapat menggunakan maklumat yang diperolehi dengan sempurna dalam menjalankan kajian mereka.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar Belakang Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin**

Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin yang terkenal dengan sapaan akrab Nik atau Faiz di kalangan ahli keluarganya adalah di antara nama-nama besar dalam deretan penggiat-penggiat seni penghasilan batik tanah air. Tanggal 9 Ogos 1985 telah menyaksikan kelahiran beliau ke muka bumi ini di Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan. Berasal daripada keluarga yang harmonis, bondanya, Nik Ruzz merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa manakala ayahandanya pula, Nik Mohamed Amin merupakan seorang pesara kakitangan kerajaan yang telah banyak menabur jasa bakti sebagai seorang guru sekolah. Curahan kasih sayang yang diberikan oleh kedua-dua permata hati beliau sememangnya mencerminkan keberkesanan didikan serta tunjuk ajar dalam menzahirkan anak-anak yang berguna kepada keluarga



berkemampuan untuk mengemudi kehidupan diri mereka dengan betul, dan menjadikan mereka insan yang berguna dan berjiwa kental di sisi Allah S.W.T.



*Gambar 1: Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin*

Beliau merupakan anak kelapan daripada sembilan orang saudara sekedim yang merangkumi Nik Noor Raihan, Nik Mohamed Razin, Nik Rashdan, Nik Rozan Salwa, Nik Zahidah, Nik Mahfudz, Nik Mawardi, dan Nik Farhan. Beliau sememangnya anak jati kelahiran negeri Kelantan dan sekarang memilih untuk menetap di Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan bagi menguruskan perusahaan milik beliau setelah sekian lama menetap di ibu kota Kuala Lumpur selama lapan belas tahun usai mengkhataamkan satuan tugas menyenggau ilmu pengetahuan di tahap Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana bagi meneruskan kelangsungan perniagaan beliau secara sepenuh masa.

Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin menimba ilmu pengajian pertamanya di Sekolah Kebangsaan Paloh Pintu Geng di Kampung Paloh Pintu Geng, Kota Bharu, Kelantan (1992 – 1997), kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah pula di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Falahiah di Pasir Pekan, Kota Bharu, Kelantan (1998 – 2002). Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya di peringkat tertiar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Cawangan Petaling Jaya dalam aliran Asasi Senibina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Cawangan Petaling Jaya (2003 – 2004).

Ketabahan serta ketekunannya ketika di peringkat pengajian Asasi membuahkan hasil apabila beliau berjaya ditawarkan pengajian di peringkat yang seterusnya dalam Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Senibina juga di universiti yang sama (2004 – 2008) akan tetapi beralih pula ke kampus utama yang terletak di daerah Gombak, Selangor. Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin juga seorang mahasiswa yang cemerlang serta tekun dalam bidang pengajiannya, bahkan arus fikirannya juga seperti masih lagi terapung dalam perputaran pengertian yang mencabar dirinya untuk mendalami dunia akademik dengan lebih mendalam lagi. Berganjak pula kepada suasana kondisi yang selanjutnya, dek kerana gertakan iktikad serta cinta kasihnya terhadap kepelbagaian pangkalan ranting-ranting ilmu dibuktikan apabila berjaya ditawarkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi iaitu Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan Strategik, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur (2009 – 2010) pada tahun berikutnya. Gagasan pegangan pendirian beliau yang tinggi seperti tembok dinding-dinding yang jangankan retak-retaknya dihinggut gertakan gempa, mendeklarasikan kecenderungan hati untuk melanjutkan lagi pengajian di tahap PhD (Doctor of Philosophy), akan tetapi sesudah membangunkan perusahaan batik kontemporari pada tahun 2011, beliau memilih untuk memberi perhatian yang hakiki terhadap kelanjutan ekonomi perniagaannya terlebih dahulu sebagai persediaan rapi dalam menginjakkan semula ritma pergerakan kakinya ke institusi pengajian tinggi lantaran keinginan meneruskan usahanya menggapai mercu kejayaan yang sekian lama diidamkan.

Sebelum bergelar sebagai penggiat seni kraftangan negara, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin pernah menceburi beberapa jenis bidang pekerjaan yang lain seperti eksekutif pemasaran bagi salah satu syarikat multinasional yang berpangkalan di Kuala Lumpur dan juga pernah menjadi perunding perhubungan awam bagi The Batik Boutique di Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur. Beliau berpendapat bahawa pekerjaan pertama yang diterima sebaik sahaja menamatkan pengajian adalah pekerjaan yang sangat kompetitif lantaran tugas yang diberi terlalu mencabar iaitu perlu menjual tiket persidangan dengan harga 1995 dolar Amerika Syarikat bagi satu tempat duduk. Meskipun beliau umpama “darah setampuk pinang”, beliau sanggup mengambil risiko dan pada masa yang sama mencabar diri beliau untuk

senantiasa tampil yakin berkomunikasi dengan orang ramai sebelum berkecimpung dalam dunia korporat atau mendirikan perniagaan beliau sendiri – iaitu Gahara Galore Sdn. Bhd.

### ***Penglibatan Dalam Industri Kraftangan Tempatan***

Penglibatan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin di lubuk lapangan seni penghasilan batik kontemporari terhambat menyundul menjadi sebuah penuturan jalan cerita yang padat dengan pengertian dan penjelasan di mana ingatannya yang segar terloncat semula menjangkau suasana masa lalu yang terdedah kepada dunia seni penghasilan batik. Senyatanya, batik telah berprofesi menjadi satu cebisan riwayat ekspedisi denyutan nadi kehidupan beliau itu sendiri lantaran leluhurnya adalah wiraswasta batik tradisional sewaktu zaman terdahulu lagi. Memetik imbauan panggilan nostalgia peribadi beliau yang nyaris terbenam dibungkus waktu, datuknya, Che Ismail Yusoff, yang berjuadahkan keringat dan air mata berjaya mengangkat aktiviti penghasilan batik tradisional sebagai punca perolehan rezeki yang halal demi menyara setiap dari ahli keluarganya dalam meneruskan pahit-maung lembah jurang kehidupan dengan menghasilkan batik gaya percetakan blok yang lebih mesra dengan gelaran sebagai batik terap. Semasih hayat dikandung jasad, aktiviti tersebut telah dijalankan secara tradisional dan kecil-kecilan di bawah kawasan rumahnya yang terletak di Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan.



Gambar 2: Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin bersama-sama dengan krew Majalah Tiga dan Ahmad Fedtri Yahya bagi sorotan dokumentari, 'Batik untuk Acai'.

“Ke mana tumpahnya kuah andai kata tidak diruahkan ke nasi”, berkat daripada pemerhatian sejak kecil, benih minat Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin terhadap bidang seni penghasilan batik mula tersemai. Beliau telah mula menceburkan diri di dalam aktiviti perdagangan batik sedari sekolah rendah lagi dan kemudian telah keluar memancing pengalaman berjualan batik dengan menjadi seorang peraih batik di mana beliau akan mengambil beberapa helai jenis kain batik daripada pengilang yang juga menetap di sekitar kawasan Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan untuk dijual kepada orang lain. Aktiviti tersebut berlanjutan sehinggalah beliau menjejaskan kaki ke gedung ilmu di peringkat tertiar di dalam bidang pengajian senibina.

Pelbagai memorabilia yang dilalui sepanjang pembabitan di dalam bidang penjualan batik. Lantas, selepas tiga tahun berperanan sebagai jurujual, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin telah membuat keputusan untuk melepaskan peluang menjadi seorang arkitek dengan menjalani aktiviti perusahaan dalam bidang seni penghasilan batik kontemporari, sekaligus menjadikan beliau sebagai generasi ketiga yang meneruskan kelangsungan tradisi pembuatan batik daripada datuknya. Dengan berbekalkan modal sebanyak RM10 ribu serta keuntungan atas angin yang diperolehi semasa menjadi pedagang batik dan aktiviti *'pitching'* (penyampaian) serta nawaitu diri yang tinggi, hasilnya terbentuklah satu tapak perniagaan yang bakal menjadi arkib peribadi beliau yang bakal menyimpan 1001 ceritera kemunculan Gahara Global Sdn. Bhd. di dalam industri kraftangan tempatan.

Insan kelahiran negeri Pantai Timur dengan lambaian Serambi Mekah itu bingkas mempercepatkan langkah dalam menubuhkan sebuah pusat penghasilan serta pengeluaran batik kontemporari yang dikenali sebagai Rumah Gahara. Sinaran gembira seorang penggiat muda mula mengerlip di mata beliau seiring riangan kicauan burung pipit yang berterbangan bebas lantaran mendapat sahutan yang afirmatif daripada ke semua ahli keluarga beliau. Malahan, rakan-rakan serta pihak-pihak lain juga turutserta memberkati penglibatan beliau di dalam bidang perniagaan yang diceburi sejak sekian lamanya. Beliau turut membahaskan falah yang telah dikecapi berkongkalikung dengan sandaran sokongan yang diterima daripada pekerja-pekerjanya yang turut sama menekuni setiap perincian tugas yang diamanahkan dalam menjulang derajat yang dimiliki oleh industri seni kraftangan negara.

Ternyata, usaha Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin umpama “belayar sambil memapan, merapat sambil belayar”, apabila ditawarkan Dana Belia 1Malaysia pada tahun 2011 dan Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) oleh Unit Pemandu Agenda Bumiputera (TERAJU) pada tahun 2014. Penawaran itu sekaligus membolehkan beliau untuk mengembangkan lagi perusahaan, dan mengharumkan nama negara melalui beberapa jemputan perwakilan ke acara fesyen terkemuka dunia. Pada tahun 2020, saat dunia dibadai penularan wabak jangkitan COVID-19 (Corona Virus Disease 2019), beliau telah melancarkan satu koleksi khas yang diberi nama Gahara Men serta mengumumkan koleksi-koleksi keluaran tahun tersebut didedikasikan kepada perwakilan tarian klasik mistik Melayu Tradisional iaitu Mak Yong yang diangkat pengharamannya di tanah Kelantan.

Berbeza dengan ideologi serta pandangan penggiat-penggiat seni penghasilan batik yang lain, Nik Mohd Faiz Nik Mohamed Amin sebaliknya tampak lebih selesa menghasilkan batik yang bertemakan gaya hidup masa kini. Beliau berjaya mendukung perubahan dari sudut merevolusikan cara penduduk tempatan dan warga asing dalam melakukan penilaian terhadap kesenian serta kekayaan yang dimiliki oleh reka bentuk batik kontemporari beliau yang sedikit sebanyak diilhami oleh seni bina bangunan-bangunan bersejarah juga melalui pengasimilasian keunikan yang terdapat pada ukiran kayu zaman kuno Langkasuka. “Jika nan bulat tiada mendatang bergolek, masakan nan pipih tiada mendatang berlayang”, sesuai melambangkan keunggulan rekaan batik kontemporari keluaran syarikat beliau yang kini rataratanya menggelar koleksi batik kontemporari beliau sebagai batik premium yang unggul di Malaysia. Sebagai intiha, hasil penat-lelah beliau memikirkan mangkin yang efektif dalam menerapkan unsur pemodenan dalam reka bentuk cetakan blok canggih mampu memikat hati pelanggan-pelanggan terkemuka daripada kerabat menteri hinggalah ke kerabat diraja.

### **Kemunculan Galeri Ruzz Gahara Di Muzium Tekstil Negara**

Galeri seni batik kontemporari milik Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin yang dikenali sebagai Galeri Ruzz Gahara berperanan sebagai pusat utama dagangan dan pemasaran kraftangan tempatan beliau yang letaknya elok di dalam bangunan Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur. Beliau bertindak

menjenamakan koleksi-koleksi batik kontemporari keluaran syarikat beliau dibawah satu lambang identiti yang mencerminkan keistimewaan yang dimiliki oleh Ruzz Gahara. Ruzz Gahara diangkat daripada perkataan Ruzz yang berasal daripada nama ibu beliau sendiri iaitu Nik Ruzz manakala Gahara pula dipetik daripada perkataan anak gahara yang bermaksud anak raja keturunan permaisuri. Penggunaan terma kata Ruzz Gahara itu sendiri adalah sentuhan rancangan yang tersusun dengan semat dalam buah fikiran seorang kanakkanak yang baharu sahaja berusia dua belas tahun akan tetapi sudah mempunyai gambaran konsep masa hadapan yang ingin dijalani.



*Gambar 3: Pandangan hadapan Galeri Ruzz Gahara di Muzium Tekstil Negara (Akmal Ibtisam Shah Budin, 2017).*

Sebagai sebuah pusat kraftangan seni batik kontemporari yang pertama seumpamanya mendapat jemputan istimewa oleh pihak pengurusan muzium itu sendiri, beliau sememangnya berbesar hati apabila seruan usaha murninya dalam menggabungjalinkan elemen holistik memartabatkan perindustrian kraftangan negara yang merupakan satu-satunya peninggalan pusaka leluhur kita, beroleh perspektif yang membawa kepada penggembleran obligasi dari segenap semesta dan terpelihara hasil seninya melalui rentak perubahan dalam reka bentuk yang telah diaplikasikan. Penumpuan utama beliau di sini lebih kepada memperdagangkan barangan kraftangan tempatan serta produk batik kontemporari keluaran syarikat beliau.

Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin pada mulanya telah mendapat pelawaan daripada pihak Muzium Tekstil Negara untuk menjalankan pameran berkaitan produk-produk kraftangan tempatan sahaja. Akan tetapi, setelah dikaji dan ditinjau sendiri oleh pihak muzium terbabit akan potensi yang dimiliki oleh syarikat perniagaan beliau, maka pada enam tahun yang lalu, beliau telah mendapat satu penghargaan yang tersendiri apabila diberi jemputan istimewa bagi memasarkan kepelbagaian koleksi batik yang telah dikeluarkan.

Visi khusus garapan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam mewujudkan galeri kraftangan ini ialah untuk mengubah serta menaik taraf ekonomi industri seni penghasilan batik kontemporari di Kelantan khususnya serta berhasrat untuk memberi satu rentak perjalanan yang baharu terhadap industri kraftangan tempatan itu sendiri. Bagi menggapai visi yang telah direka khusus untuk Galeri Ruzz Gahara, terdapat beberapa misi yang akan diketengahkan usahanya menyediakan ekosistem yang baharu dan lebih moden terhadap setiap skop rantai nilai dalam industri seni penghasilan batik kontemporari itu sendiri, menyediakan beberapa kemudahan yang berbeza serta tersuai dengan pengadaptasian wadah teknologi masa kini, dan juga membela nasib-nasib artisan batik kontemporari yang sememangnya terdiri daripada golongan dengan pendapatan kurang daripada golongan B40 (Bottom 40%) di Malaysia.

Bersandarkan kepada inisiatif yang telah diperkenankan kepada Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin, lalu terbentuklah sebuah galeri pertunjukan seni batik kontemporari beliau yang pertama iaitu Galeri Ruzz Gahara yang letaknya di tengah-tengah kesibukan kota raya Kuala Lumpur. Bersama dengan beberapa orang kakitangan yang diuruskan oleh pengurus pusat pameran, Shahini M. Din, beliau beriltizam serta yakin akan kewibawaan Galeri Ruzz Gahara yang berupaya menjadi sebuah galeri kraftangan perdana dan berkaliber mendemonstrasikan kemantapan imej kraftangan itu sendiri apalagi berkekuatan dalam memukau hati warga wisatawan asing seantero dunia untuk tidak bersikap dangkal dalam menelusuri keindahan peradaban kraftangan masyarakat tempatan sekalian memartabatkan timbangan akal budi masyarakat Melayu secara menyeluruh yang sebetul-betulnya di tunjang globalisasi.

### **Penubuhan Rumah Gahara**



Rumah Gahara adalah sebuah pusat pengeluaran serta pusat pentadbiran bagi Galeri Ruzz Gahara yang didirikan oleh Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin bertujuan untuk mengilang dan mengedar hasil rekaan seni batik kontemporari bagi pasaran domestik dan seterusnya luar dari negeri Kelantan. Ianya ditubuhkan pada tahun 2011 dibawah pemilikan beliau sendiri. Berkat kesungguhan pemiliknya yang sanggup membuktikan pelayaran karier sebagai seorang arkitek dan perkenan daripada Allah S.W.T terhadap hambaNya, kuantiti penghasilan batik kontemporari di pusat ini telah menanjak naik tahun demi tahun lantas mencerminkan dengan jelas generasi yang bersedia mendepani realiti baharu dunia yang tangkas silih berganti dan kian membengkar.



*Gambar 4: Pandangan hadapan Rumah Gahara di Kampung Penambang, Kelantan (Speed Media Events & Distribution, 2017).*

Buah fikiran Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin terbit selepas menyedari potensi yang lebih besar dalam industri seni kraftangan itu sendiri datangnya daripada aktiviti seni penghasilan batik. Sementelahan pula, pemilihan tapak adalah berurusan kemunculan batik pelangi di Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan pada suatu ketika dahulu. Inisiatif penubuhan Rumah Gahara juga adalah bagi memenuhi tuntutan visi dan misi



bagi syarikat perniagaan beliau di mana ia akan menjadi satu pentas yang bakal menzahirkan generasi artisan baharu yang boleh meneruskan usaha memartabatkan kesenian batik tradisional dan kontemporari serta hasil seni kraftangan tempatan yang lain di peringkat sarwajagat.

Rentetan daripada pembinaan Rumah Gahara tersebut, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin telah memanifestasikan beberapa falsafah dalam menjadikan aktiviti perniagaan seni batik kontemporari sebagai satu rangkaian yang lebih baik dengan mengasimilasikan bakat terpendam yang dimiliki oleh masyarakat setempat dan juga sebagai wahana mempromosikan beberapa nilai kesenian yang bermakna. Terdapat lima landasan tiang sandaran konkrit yang telah digarap yakni: Akademi, Artisan, Galeria, Hijau, dan Gastronomi. Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin turut merujuk kepada amalan perniagaan yang telah dijalankan oleh James Harrison Wilson Thompson, Marimekko Oyj, IKEA, bahkan juga tertarik dengan rentak perjalanan perusahaan milik Stella Nina McCartney. Kesemua nama-nama besar ini adalah penanda aras bagi pembinaan kelima-lima landasan tiang Rumah Gahara kerana “di mana adanya kemahuan untuk berjaya, di situ pasti ada jalannya”.

Nescaya juga, penubuhan Rumah Gahara tersebut secara tidak langsung berjaya menggamit dampak yang positif berikutan daripada kewujudan Akademi Gahara yang memegang watak sebagai pusat latihan, penghasilan, penyelidikan dan institusi rujukan dalam aktiviti pemeliharaan serta pemuliharaan kraftangan Malaysia yang signifikan kepada seni kreatif budaya global Kelantan. Selain daripada itu, beliau turut menyasarkan Rumah Gahara sebagai pusat jualan yang turut sama berjuang untuk membangunkan industri batik tempatan malah mengaplikasikan “adat pulau limburan pasang” dengan membantu menjana pendapatan bagi penduduk setempat terutamanya artisan batik.

Semestinya, Rumah Gahara adalah impian Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin dalam membina legasi jangka panjang sesudah menubuhkan syarikat perniagaan Ruzz Gahara serta bukti swadaya perjuangan beliau dalam memelihara keaslian hasil kraftangan tempatan supaya terus kekal dan tidak luntur.

### Posisi Jawatan

Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin bukanlah individu yang mementingkan keuntungan semata-mata. Malahan, salah satu misi yang digarap menyalurkan kepentingan memantapkan lagi ekosistem kewangan penduduk setempat yang berada di Kelantan khususnya. Penerapan misi ini juga berkait-rapat dengan sejarah masa lalu beliau yang pernah menjadi peraih batik selama tiga tahun di mana pengamatan terhadap keadaan semasa menyaksikan jurang yang nyata wujud di antara pembuat batik dan juga pedagang batik. Lantaran itu, beliau beriltizam untuk melakukan anjakan paradigma dalam membantu golongan-golongan ini yang acap kali ditindas oleh sesetengah pihak yang “laksana enau dalam belukar menguculkan pucuk masing-masing” tanpa mengambil kira akan nasib orang di sekeliling mereka.

Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin turut mengambil berat akan kebajikan setiap para pekerjaannya bahkan ada yang sudah berkhidmat selama lebih daripada tujuh tahun bersama-sama dengan beliau. Apabila ditanya mengenai kaedah-kaedah pengendalian pekerja yang terdapat di syarikat beliau, sifat keterbukaan itu adalah sesuatu yang sangat tinggi darjatnya untuk diterapkan jika menginginkan suasana yang kondusif tercipta di tempat kerja sekaligus menampakkan lagi kesatuan di antara satu sama lain. Dengan adanya semangat sedemikian yang dipraktikkan, maka wujudlah kemesraan serta sikap saling mempercayai antara beliau dan juga pekerja yang lain. Ini kerana sesuatu pekerjaan atau perniagaan itu tidak mungkin akan mengecapi kemajuan jika kedua-dua pihak tidak bertoleransi antara satu sama lain. Saluran komunikasi yang dipilih mampu mewujudkan hubungan sosial yang sihat dan kegiatan perniagaan sudah tentu berjalan dengan lancar.



*Gambar 5: Barisan pekerja-pekerja wanita di Rumah Gahara (Ruzzgahara, 2015).*

Di samping itu, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed amin juga mengamalkan prinsip kebebasan bersuara dan keterbukaan sebagai modus operandi dalam menghambat kemelut yang tercetus di antara majikan dan pekerja. Beliau sama sekali tidak mengekang hak memberikan pendapat, idea-idea baharu, serta senantiasa bersedia dalam menerima apa-apa pandangan atau kritikan daripada para artisan malah daripada pekerja-pekerja sokongannya juga dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang wujud demi kebaikan bersama. Ini secara jelasnya, mampu menepis persepsi perasaan diperlekehkan meskipun tidak semua buah fikiran atau rekomendasi yang dilontarkan diterima sebulat suara.

Konklusinya, jika semua majikan mengamalkan prinsip-prinsip atau amalan perniagaan seperti yang dipupuk oleh Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin, maka segala kesulitan yang tercetus dapat diselesaikan secara profesional tanpa adanya keperluan untuk menyakiti di antara satu sama lain. Persis kata aforisme Melayu dulu kala, “umpama ke bukit bukau sama mendaki ke lurah saima menurun”. Jika Baginda S.W.T sewaktu zamannya dapat menerima pandangan daripada para sahabat sungguhpun menjadi penghulu kepada rasul dan junjungan umat manusia sejagat, mengapa tidak sesama manusia yang seperti tiada titik noktah perbalahan kuasanya?

### ***Sumbangan dan Pencapaian Di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa***

Selama tiga belas tahun Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin berkecimpung dalam dunia seni penghasilan batik kontemporari. Satu jangka masa yang luas serta matang bagi beliau untuk menekuni erti perhijrahan kehidupan yang sebenar lantaran berjaya merealisasikan angan-angan menara impiannya yang setinggi Gunung Everest, aspirasi setinggi langit biru, dan keyakinan yang sedalam Laut Cina Selatan kerana percaya Yang Maha Esa akan merestukan segala urusannya di muka bumi ini. Pastinya di sebalik raut wajahnya yang bergayut setompok kenangan manis bergelar anak seni tempatan juga diiringi bisa di kepala yang memendam keserabutan kenangan pahit dalam membentengi warisan kesenian negara yang disayangi. Beliau juga berhajat untuk melindungi industri seni kraftangan negara ini dengan sebaik-baiknya dek kerana diancam kepupusan dan mendapat persaingan



Gambar 6: Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin bersama-sama H.E. Dato' Jojie Samuel serta isteri beliau, Datin Catherina Cherian Samuel di acara Sambutan ke-9 Sutera: Thai Silk Road to the World Exhibition 2019.

Mempunyai sedikit perbezaan pendapat serta hala tuju dalam menjayakan industri seni kraftangan tempatan, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin menyatakan yang beliau tidak terlalu mengejar akan anugerah-anugerah yang ada di Malaysia lebih-lebih lagi Piala Sri Endon (PSE). Ini kerana beliau tidak merasakan rentak perjalanan yang dibawa oleh pertandingan tersebut seiringan dengan matlamat dan penceritaan yang hendak disampaikan melalui reka bentuk seni batik kontemporari keluarannya.

Namun, tidak dapat dinafikan juga bahawa Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin ada pencapaian istimewanya yang tersendiri seperti jalinan kolaborasi dengan pereka seni batik yang lain dalam menghasilkan koleksi-koleksi pakaian bersempena Minggu Fesyen Kuala Lumpur. Sebagai contoh pada tahun 2015, beliau telah memerah keringat bersama-sama dengan pereka batik dari Kuala Lumpur, Fern Chua dalam menjayakan koleksi Musim Bunga-Musim Panas yang terinspirasi oleh suasana pelayaran serta gaya hidup

pelancong yang berada di tepi pantai. Apabila ditanya mengenai saatsaat manis semasa berlangsungnya acara cukup bermakna tersebut, beliau menyatakan perasaan saat berada di belakang pentas menyiapkan para peragawati serta keterujaan untuk melihat reaksi penonton terhadap rekaan beliau adalah suatu saat yang tidak boleh dilupakan sama sekali.

Seterusnya, perjalanan seni batik kontemporari yang dihasilkan di Rumah Gahara turut berjaya disorot dalam rancangan dokumentari terbitan Majalah Tiga pada tahun 2020 yang bertajuk 'Batik untuk Acai'. Ini sekaligus menonjolkan lagi kemewahan cita rasa yang dimiliki oleh Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin. Ini sedikit sebanyak berupaya memberi pendedahan kepada orang ramai berkaitan penubuhan syarikat perniagaan milik beliau di Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan. Malah, beliau juga sering menerima kunjungan lawatan kehormat daripada golongan-golongan kelas atasan yang turut serta tertarik dengan ketelitian yang diterapkan ke dalam reka bentuk seni batik kontemporari yang telah dihasilkan lalu meyakinkan mereka untuk menempah satu reka bentuk batik khas yang bersesuaian dengan gaya pemakaian mereka yang serba mewah.



*Gambar 7: Ahli-ahli majlis tertinggi bagi Pertubuhan Kraftangan Malaysia (MCC).*

Rezeki sekali lagi berpihak kepada Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin apabila diberi kepercayaan menerajui tampuk pemerintahan Pertubuhan Kraftangan Malaysia (Malaysian Craft Council) pada tahun 2019 sebagai Presiden yang baharu. Kelainan yang berjaya ditonjol pada kali ini adalah beliau merupakan penggiat seni batik kontemporari yang termuda pernah dilantik

dalam persatuan terbabit malah beliau juga mengamalkan dasar keterbukaan dari segi penerimaan cadangan mahupun kritikan daripada ahli persatuan tersebut.

Beralih pula kepada pencapaian di peringkat antarabangsa, kemuncak kejayaan yang terbesar sekali bagi Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin adalah apabila diberi peluang menjelajah dunia luar dengan membawa bersama-sama nama negara Malaysia dalam acara pertunjukkan fesyen Who's Next Paris sebanyak dua kali bahkan telahpun memenangi Anugerah Pencapaian Rekaan Terbaik daripada kalangan produk artisanal yang dipertandingkan pada tahun 2014. Beliau juga pernah menjadi salah seorang penceramah sewaktu berlangsungnya acara World Travel Market 2015 sekaligus menerima Anugerah Penceramah yang Paling Digemari. Tambahan pula, beliau telah menerima Anugerah Tokoh Artisan di dalam acara Artisan Batik Workshop pada tahun 2015. Sepanjang tempoh penglibatan beliau di dalam dunia rekaan seni batik kontemporari ini, sejumlah besar negara asing berjaya diterokai dan dijelajahi. Penjelajahan ini juga telah membawa kepada rakaman berbagaibagai peristiwa yang memesonakan serta sulit untuk dicituskan melalui katakata dan akan senantiasa menjadi lipatan sejarah kenangan paling indah dalam hidupnya.

Beberapa hasil rekayasa peribadi Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin telah berjaya dipaparkan di majalah-majalah terkemuka dunia seperti British Vogue dan Majalah Tatle di United Kingdom malahan turut disorot dalam siri dokumentari Passage to Malaysia di saluran Travel and Living Channel (TLC). Di antara sumbangan yang lain adalah beliau juga sering diundang menjadi penceramah serta pengendali bengkel-bengkel batik kontemporari di beberapa lokasi di luar negara antaranya University of New Jersey di Amerika Syarikat dan American International School of Budapest di Hungary.

Izharnya, kotak fikiran Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin yang berputar ligat dalam membongkar setiap kepincangan yang terhasil daripada pandangan pro dan kontra sebilangan pihak yang bersikap egosentrik terhadap sumbangan industri kraftangan tempatan dalam meningkatkan jurang ekonomi negara adalah petanda jelas bagi generasi masa kini yang muflis dan tercabut daripada akar tradisinya dek kerana terlalu leka membenam budaya pemikiran barat yang bersifat hedonistik dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Masyarakat sering mengimbau kembali kenangan masa lalu namun jarang sekali berusaha untuk menghambat impian hari esok. Menyadari akan hakikat bahawa tanggapan masyarakat tempatan terhadap seni kraftangan tempatan masih lagi berada di takuk lama tidak akan menjejaskan ikrar hati beliau sama sekali yang semahu-mahunya melindungi acuan kesenian yang telah siap sedia sehati dengan keperibadian yang dimilikinya. Beliau juga bersedia untuk memperturunkan ilmu pertukangan batik kontemporari kepada pelapis-pelapis masa hadapan serta membimbing mereka menggapai impian masa hadapan dalam menguasai teknik-teknik seni penghasilan batik kontemporari.

### ***Titipan Nasihat dan Pendapat***

Seperti mana orang lain pernah merasakan kegagalan dalam bidang perniagaan yang dijalankan, Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin turut tidak terkecuali daripada merasai pahit manis bergelar seorang pengusaha seni kraftangan tempatan. Namun begitu, beliau tidak sama-sekali membiarkan cabaran tersebut sebagai sesuatu yang akan merencatkan impian beliau untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan berasaskan seni batik kontemporari. Untuk menjadi seorang pengusaha seni batik kontemporari yang berjaya, hendaklah senantiasa bersedia dan bersabar melakukan persiapan penting dengan melakukan kajian terhadap bidang perniagaan yang ingin diceburi serta bersedia menghadapi risiko-risiko yang akan datang kerana, “bersikap tenang penghilang penat, dek tekun pembawa dekat”. Penggiat seni kraftangan tempatan juga perlu mengorak langkah dalam menghasilkan rekaan yang inovatif serta mampu memenuhi cita rasa pelanggan akan tetapi pada masa yang sama masih lagi terus menghormati tradisi-tradisi atau adat kebudayaan tempatan.

Cengkinya, pengorbanan serta sumbangan Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin terhadap dunia seni penghasilan batik kontemporari tidak dapat disangkal lagi. Hampir serata pelosok dunia yang telah dijelajahi berbekalkan ideologi-ideologi seni kraftangan tempatan Malaysia. Asas manifestasi kesanggupan bangsa yang diterapkannya seharusnya dihargai kerana ianya mampu merealisasikan egalitarianisme dalam pembentukan masyarakat ningrat yang berpaksikan mauduk pelestarian aktiviti kesenian dan kebudayaan negara daripada menutup usia.



Meskipun nama Nik Mohd. Faiz Nik Mohamed Amin tidak bersekedudukan dengan penggiat-penggiat batik atau setanding dengan hasilhasil rekaan Adiguru seni batik yang lain, beliau tidak memandang itu sebagai suatu benda yang akan merencatkan aktiviti perniagaannya. Walakin kurang mendapat liputan yang meluas daripada pihak media massa, namun senyatanya beliau sudah berjaya menempa kejayaan yang mandiri di luar negara. Apa yang dilakukan adalah kerana caivinisme yang terlalu mendalam terhadap industri seni kraftangan negara kita dan juga insentif beliau sendiri dalam meluaskan horizon memperkenalkan kekayaan hasil seni kraftangan yang kian disisihkan dan wajarlah beliau mendapat pujian yang selayaknya daripada semua pihak yang berkepentingan dalam menyahut seruan melestarikan industri pelancongan negara kita.

Seni penghasilan batik merupakan warisan turun-temurun yang akan lenyap jika tidak dipelajari oleh generasi-generasi pada masa sekarang. Jika tidak dikongsi, maka ilmu yang bermanfaat ini tidak dapat diwarisi. Bersandarkan kepada hal tersebut, maka lahirlah kepentingan untuk mengenali penggiat-penggiat seni penghasilan batik kontemporari yang telah banyak menyumbang jasa dalam melestarikan industri ini. Kemahiran melukis atau mencanting merupakan ilmu yang harus dipelajari supaya terus kekal walaupun berlakunya peredaran masa. Sedar akan masalah ini, pereka pelapis perlu untuk menyambung kesinambungan seni penghasilan batik kontemporari pada masa hadapan. Justeru, kajian ilmiah ini telah dijalankan bertujuan untuk mengenali dan mengkaji dengan lebih dekat penggiat seni penghasilan batik kontemporari yang telah menghasilkan banyak karya seni rekaan dan telah memberi sumbangan yang besar dalam mengharumkan nama negara.

## RUJUKAN

Akmal Ibtisam Shah Budin. (2017). *Gahara Galleria*. TripAdvisor [https://www.tripadvisor.com.my/Attraction\\_Review-g298570d12094036-Reviews-Gahara\\_Galleria-Kuala\\_Lumpur\\_Wilayah\\_Persekutuan.html](https://www.tripadvisor.com.my/Attraction_Review-g298570d12094036-Reviews-Gahara_Galleria-Kuala_Lumpur_Wilayah_Persekutuan.html)

Baharuddin Mohd. Arus (2018, Disember 4). *Seidi Atiman, pelukis batik menitip karya budaya Sabah*. Malaysian Academic Library Institutional Repository. <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.ums.eprints.22670>

Harozila Ramli & Intan Khasumarlina Mohd. Khalid. (2019, Mei 1). Anggun Siri Catan Batik Fatimah Chik. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan*



*Pendidikan Seni*, 3, 1 – 5.

<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2249>

Hassandarvish, M. (2020, Julai 3). *Ella's 'Standing in the Eyes of the World' given makeover in US-Malaysia video in conjunction with US Independence Day*. Malay Mail.

<https://www.malaymail.com/news/life/2020/07/03/ellas-standing-in-theeyes-of-the-world-given-makeover-in-us-malaysia-video/1881196>

Ma'rof Redzuan & Fariborz Aref. (2010). Path analysis model of the development of handicraft industries in Kelantan, Malaysia. *Journal of American Science*, 6(1), 129 – 136.

<https://doi.org/10.7537/marsjas060110.17>

Mohamed Muaz Nordin. (2012). *Design and development of semi-automatic canting tool (body design and mechanism)* [Kertas projek Sarjana, Universiti Malaysia Pahang]. University of Malaysia Pahang Institutional Repository. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/3470/>

Mohd. Azhar Samin, Rafeah Legino, & Rabiatuadawiyah Kari. (2018). Alternative batik: The potential of its outcome and designing methods [fail PDF]. *International Journal of INTI*, 22, 54 – 58.

[https://jadinti.uitm.edu.my/images/Volume22\\_Dec2018/MohdAzhar58.pdf](https://jadinti.uitm.edu.my/images/Volume22_Dec2018/MohdAzhar58.pdf)

Mohd. Nazir Ahmad. (2020). Chapter One: Introduction [PowerPoint slides]. ilearn@UiTM. <https://i-learn.uitm.edu.my/login>

Mohd. Zaki Zakaria. (2004). *Perusahaan batik di Kelantan: Masalah dan prospek* [Tesis Sarjana, Universiti Malaya]. University of Malaya Students Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/2696/>

Muhd. Rashid Rajuddin & Fazlee Alias. (2010). *Tahap pengurusan perniagaan dalam industri kecil dan sederhana (IKS) pengusaha batik di daerah Kota Bharu* [fail PDF]. Universiti Teknologi Malaysia. [http://eprints.utm.my/10511/1/Tahap\\_Pengurusan\\_Perniagaan\\_Dalam\\_Industri\\_Kecil\\_Dan\\_Sederhana.pdf](http://eprints.utm.my/10511/1/Tahap_Pengurusan_Perniagaan_Dalam_Industri_Kecil_Dan_Sederhana.pdf)

Nik Yusnita Nik Ahmed. (2015). *Sumbangan Che Su dan keluarga kepada pembangunan perusahaan batik di Kelantan* [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository. <http://umkeprints.umk.edu.my/5012/>

Noor Haslina Mohamad Akhir & Normaz Wana Ismail, (2015). *Permasalahan dalam pembangunan industri batik di Terengganu* [fail PDF]. Universiti Kebangsaan Malaysia. [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2015/PERKEM\\_2015\\_3A2.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2015/PERKEM_2015_3A2.pdf)

Norlelawaty Haron. (t.t.). *Md. Ghani bin Mat: Adiguru kraftangan blok batik Malaysia*. Klik Web DBP. <http://klikweb.dbp.my/?p=15921>

Norlelawaty Haron, et.al (2013). Sejarah perkembangan industri batik di Kelantan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*,

933 – 947.

<https://www.researchgate.net/publication/305255236> *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke2 Arkeologi Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*

Nur Fadhliah Pesol, Nor Azah Mustapha, & Siti Sabariah Ismail. (2016). The attributes of Malaysian batik towards tourist purchase decision.

*Tourism,*

[https://www.academia.edu/25414773/THE\\_ATTRIBUTES\\_OF\\_MALAYSIAN\\_BATIK\\_TOWARDS\\_TOURIST\\_PURCHASE\\_DECISION](https://www.academia.edu/25414773/THE_ATTRIBUTES_OF_MALAYSIAN_BATIK_TOWARDS_TOURIST_PURCHASE_DECISION)

Nur Najwa Hanani Abd Rahman. (2019, Februari 12). *Pupuk hubungan baik rakan sekerja*. Harian Metro.

<https://www.hmetro.com.my/addin/2019/02/422142/pupuk-hubunganbaik-rakan-sekerja>

Pegah Jahangiri, Sabzali Musa Kahn, Syed Alwi Syed Abu Bakar, & Mina Hedayat. (2013). A brief review of Malaysian batik developments from 1950s to 1980s. *Jurnal Seni Rupa ATRAT*, 1(3), 271 – 278.

<https://jurnal.isbi.ac.id/index.php/atrat/article/view/395/341>

Poon, S.T.F. (2017). The journey to revival: Thriving revolutionary batik design and its potential in contemporary lifestyle and fashion. *International Journal of History and Cultural Studies*, 3(1), 48 – 59.

<https://dx.doi.org/10.20431/2454-7654.0301006>

Raja Fuziah Raja Tun Uda & Mohamad Najib Md. Nor. (2017). *Batik Sarong: Heritage of today for tomorrow*. Department of Museums Malaysia (DMM).

Rohaida Nordin & Siti Safina Abu Bakar. (2012). *Malaysian batik industry: Protecting local batik design by copyright and industrial design laws* [fail PDF]. Universiti Malaysia Sarawak.

<http://www.ijbs.unimas.my/repository/pdf/Vol13No2-paper3.pdf>

Ruzzgahara. (2015, Mac 27). *Line of women empowerment* [Gambar dilampirkan] [Kemas kini status]. Facebook.

<https://www.facebook.com/ruzzgahara/photos/870061763050759>

Sharifah Salwa Syed Mahdzar, Chuah, P. J., & Hossein Safari. (2013). *Development of historical culture tourism industry through batik art to attract the local and tourist*. Academia.

[https://www.academia.edu/8331766/Malaysia\\_Batik\\_Art\\_Integrated\\_Centre](https://www.academia.edu/8331766/Malaysia_Batik_Art_Integrated_Centre)

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, & Noor Azlinda Wan Jan. (2012). Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal Persatuan Pustakawan Malaysia*, 63–76.

<http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=71896>

SME Corporation Malaysia. (2017). *SME annual report 2016/17*.

<https://www.smeCorp.gov.my/index.php/en/about/2015-12-21-08-49-11/about-sme-corp-malaysia>

- Speed Media Events & Distribution. (2017, November 11). *Keberangkatan Yang Mulia Tengku Puan Temenggong ke Rumah Gahara* [Gambar dilampirkan] [Kemas kini status]. Facebook. <https://www.facebook.com/media/set/?vanity=153789371327911&set=a.1870402986333199>
- Tengku Saripah Haji Tengku Ibrahim. (2000). *Tokoh kraf negara: Haji Tengku Ibrahim Bin Tengku Wook (satu kajian biografi)* [Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi MARA]. Universiti Teknologi MARA Institutional Repository. <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/14393/>
- TV3MALAYSIA Official. (2020, November 29). *Batik Untuk Acai (23 November)* [Video]. YouTube. [https://www.youtube.com/watch?v=z31cN3jamQ&ab\\_channel=TV3MALAYSIAOfficial](https://www.youtube.com/watch?v=z31cN3jamQ&ab_channel=TV3MALAYSIAOfficial)
- Yusniza Mohamed Yusof, Harleny Abd. Arif, & Norakmal Abdullah. (2020). Abd. Muhaimin bin Hasbollah: Manifestasi seni ukiran kayu kontemporari. *Journal of Applied Arts*, 2(1), 129 – 140. <https://journal.scientiaca.org/index.php/Jappa/article/view/71>
- Zamrudin Abdullah, Sabzali Musa Khan, Siti Rohaya Yahaya, & Mohamed Radzi Manap. (2019). Ciri-ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik kontemporari berinspirasi motif abstrak. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 236 – 269. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/21232>
- Wan Mahtar Wan Salleh. (2019). Modern batik. *MBOT Bulletin* (Ed. 7, ms. 18 –19). Malaysia Board of Technologists. <https://www.mbot.org.my/getattachment/773b665c-1917-4f99-bec6adf4b4650def/MBOT-Bulletin-7th-Edition>